

## MEMBONGKAR KOMPLEKSITI MELALUI BAHASA: SATU KAJIAN STILISTIK CERPEN ERNEST HEMINGWAY 'HILLS LIKE WHITE ELEPHANTS'

(DIVULGING COMPLEXITY THROUGH LANGUAGE: STYLISTIC INSPECTION OF ERNEST  
HEMINGWAY'S 'HILLS LIKE WHITE ELEPHANTS')

JAMAL, M.

*Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang,  
Malaysia.*

*e-mail: jmarlina[at]usm.my*

(Received 05<sup>th</sup> October 2025; revised 08<sup>th</sup> December 2025; accepted 28<sup>th</sup> December 2025)

**Abstrak.** Kertas kerja ini menjalankan satu penyiasatan stilistik terhadap salah satu cerpen Hemingway, iaitu 'Hills like White Elephants'. Tujuan kajian ini adalah untuk membuktikan bahawa aplikasi alat linguistik sebagai kaedah analisis dapat membantu memahami teks sastera dengan lebih baik serta berfungsi sebagai petunjuk untuk membongkar mesej-mesej tersirat yang pelbagai lapis di sebalik kesederhanaan bahasa yang digunakan oleh penulis. Kaedah analisis Leech dan Short diadaptasi sebagai kerangka teori untuk menganalisis cerpen yang dipilih. Ciri-ciri linguistik yang dikaji diletakkan di bawah empat rubrik, iaitu kategori leksikal, ciri tatabahasa, gaya Bahasa serta kohesi dan konteks. Hasil kajian menunjukkan bahawa kompleksiti wujud di bawah lapisan bahasa yang ringkas digunakan oleh Hemingway dalam penulisan cerpen ini. Perjuangan emosi yang hebat didapati mendominasi dua watak protagonis. Pembahagian kuasa yang tidak selaras antara kedua-dua watak turut ketara, dengan watak lelaki digambarkan sebagai dominan manakala watak perempuan kelihatan rlemas dan mudah terjejas dari segi emosi. Kesimpulannya, penggunaan instrumen linguistik untuk mengkaji teks sastera terbukti berkesan kerana pelbagai idea dan pemikiran yang kelihatan tidak ketara pada bacaan biasa dapat dicungkil. Kajian masa depan yang meneliti analisis prosa sastera boleh mengintegrasikan kaedah stilistik bagi mencapai pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap teks.

**Katakunci:** *stilistik sastera, prosa sastera, kompleksiti bahasa, Leech & Short, pergolakan emosi, Hemingway*

**Abstract.** This paper performs a stylistic investigation of one of Hemingway's short story, 'Hills like White Elephants'. The purpose of this paper is to justify the notion that the application of linguistic tools as a method of analysis will help comprehend literary texts better and may also act as a cue to unearth the multifaceted underlying messages lying beneath the simplicity of language used by the writer. Leech and Short's method of analysis is adopted as the theoretical framework to analyse the chosen short story. Linguistic features analysed fall under four rubrics; which are lexical categories, grammatical features, figures of speech and cohesion and context. The findings demonstrate that complexity lie under the layers of simple language used by Hemingway in writing the short story. Severe emotional struggle is found to be the preoccupation of the two protagonists. Incongruent power distribution among the two characters is evident, with the male protagonist being dominant while the female appearing to be frail and vulnerable. In conclusion, the implementation of linguistic instruments to study a literary text proves to be effective in the sense that much ideas and thoughts that appear invisible to the bare eyes may be exposed. Future studies dealing with the analysis of literary prose may integrate the stylistic method of investigation to achieve a better and more comprehensive understanding of the text.

**Keywords:** *literary stylistics, literary prose, language complexity, Leech & Short, emotional struggle, Hemingway*

## Pengenalan

Kajian ini menjalankan satu analisis stilistik terhadap cerpen Ernest Hemingway 'Hills like White Elephant' dan bertujuan membuktikan bahawa sesebuah teks sastera dapat difahami dan ditanggapi dengan lebih mendalam sekiranya dikaji daripada sudut linguistik, bukannya bergantung sepenuhnya kepada pendekatan tradisional analisis sastera semata-mata. Pengintegrasian pendekatan linguistik adalah lebih berfaedah kerana ia memberi penekanan kepada struktur leksikal, tatabahasa dan retorik dalam sesuatu teks. Aspek-aspek ini dapat berfungsi sebagai isyarat bagi membuka maksud-maksud tersirat, topik, dan simbolisme yang tersembunyi dalam sesebuah teks sastera. Menurut Halliday (1978), tatabahasa boleh dianggap sebagai rangkaian hubungan yang menjelaskan semua pilihan semantik dalam bahasa. Idea ini menjadi tonggak utama bagi analisis stilistik. Gaya, seperti yang ditegaskan oleh Traugott dan Pratt (1980), ialah pilihan penulis dalam menggunakan struktur tertentu berbanding struktur lain yang terdapat dalam bahasa. Pendekatan stilistik, yang meneliti penggunaan bahasa secara idiosinkratik, dipilih sebagai metodologi kajian ini. Crystal (1987) menyatakan bahawa penggunaan kaedah stilistik menyediakan landasan yang lebih terarah untuk menyelidik bahasa yang kompleks dan bernilai, khususnya dalam karya sastera. Beliau menambah bahawa skop analisis yang fokus mampu mendedahkan ciri-ciri menarik dalam teks seperti keanehan bahasa dan penyimpangan yang mungkin tidak disedari melalui pembacaan biasa. Oleh itu, adalah diyakini bahawa melalui pelaksanaan kaedah ini, teks yang dipilih dapat difahami dengan lebih jelas dan pembinaan bahasanya yang berlapis-lapis dapat didedahkan. Dalam menentukan kerangka analisis, kaedah Leech dan Short (1981) dipilih untuk menganalisis cerpen Hemingway tersebut.

## Sorotn literatur

### *Stilistik: Suatu tinjauan*

Leech dan Short (1981) mentakrifkan stilistik sebagai "*the (linguistics) study of style, is rarely undertaken for its own sake, simply as an exercise in describing what use it made of language*". Menurut Mahmood dan Jamil (2015), stilistik ialah kajian dan penjelasan teks dari segi gaya linguistik dan tona bahasa. Widdowson (1975) pula melihat stilistik sebagai "*the study of literary discourse from a linguistic orientation*" dan berhujah bahawa stilistik menjambatani bidang linguistik dan kritikan sastera. Carter (1988) turut menyatakan bahawa stilistik memainkan peranan asas dalam menghubungkan bidang linguistik dengan sastera. Wales (2001) menyebut bahawa "*the goal of most stylistics is not simply to describe the formal features of texts for their own sake, but in order to show their functional significance for the interpretation of the text, or in order to relate literary effects to linguistic causes where they are felt to be relevant*". Analisis stilistik pada asalnya digunakan untuk meneroka makna teks sastera, namun sejak kebelakangan ini, ia telah bergerak melampaui pendekatan struktural dan berkembang kepada orientasi yang lebih pragmatik (Khan et al., 2015). Tujuan mengkaji gaya dalam sesuatu bahasa adalah untuk menghuraikan pilihan-pilihan tertentu yang dibuat oleh penulis dalam penggunaan bahasa mereka.

Istilah stail menimbulkan banyak perdebatan dalam kalangan ahli linguistik, dengan pandangan bahawa tiada satu takrifan yang benar-benar tuntas berkenaan istilah tersebut. Walau bagaimanapun, Fowler (1996) menolak pandangan tersebut dengan berhujah bahawa istilah ini tetap berguna dalam konteks bukan teori dan boleh digunakan bagi merujuk kepada pelbagai konteks kesusasteraan. Justeru, dapat

diandaikan bahawa stilistik menggabungkan kedua-dua bidang linguistik dan kritikan sastera. Widdowson (1975) menyatakan bahawa “*literature and language as subjects can, by a process of gradual approximation, move towards both linguistics and literary criticism, and also a means whereby these disciplines can be pedagogically treated to yield different subjects*”. Verdonk (2002) mengelaskan stilistik sebagai “*the study of style in language*”. Analisis stilistik teks sastera dapat dijalankan dengan lebih baik setelah teks dipecahkan kepada pelbagai komponen dan kategori (Chandio et al., 2017). Carter (1988) telah mengkategorikan stilistik kepada lima segmen berbeza, iaitu *linguistics stylistics, literary stylistics, style and discourse, pedagogical stylistics* dan *stylistics and the foreign language learner. Literary stylistics*, yang menjadi fokus kajian ini, meneliti teks sastera bertulis dan bertujuan untuk “*relate the critic’s concern of aesthetic appreciation (comprehends both critical evaluation and interpretation) with the linguist’s concern of linguistic description*” (Leech dan Short, 1981). *Literary stylistics* secara tersurat atau tersirat mempunyai matlamat untuk menjelaskan hubungan antara bahasa dan fungsi artistik.

### ***Kajian-kajian lepas***

Saadia et al. (2015) telah menggunakan pendekatan stilistik dalam menganalisis cerpen “The Happy Prince” oleh Oscar Wilde dan mendapati bahawa cerpen tersebut digarap serta digayakan menurut skema sebuah cerita dongeng. Analisis leksikal, tatabahasa dan stilistik berjaya mengenal pasti dan mendedahkan unsur eksploitasi, materialisme dan korupsi masyarakat Victoria jika dibandingkan dengan unsur keajaiban dan imaginasi pada permukaan luar cerita. Dalam analisisnya terhadap dokumentari berkaitan hidupan liar, Moodley (2019) menjalankan pendekatan stilistik dalam meneliti prolog dokumentari tersebut dengan mengaplikasikan pendekatan *stylistic pluralism* Leech dan Short (1981). Analisis item leksikal, ciri tatabahasa, gaya bahasa (*figures of speech*) dan ciri retorik lain serta kekohesifan menunjukkan bahawa unsur linguistik dan retorik adalah teras kepada reka bentuk dokumentari dan berjaya membina kesedaran tentang pemuliharaan hidupan liar serta meletakkan individu sebagai pendokong aktif perlindungan hidupan liar. Quinto (2014) pula mengaplikasikan pendekatan stilistik dalam menganalisis kemunculan ungkapan deiktik dalam ucapan President Benigno Aquino III. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penelitian terhadap unsur deiktik seperti *personal, temporal, spatial* dan *social deictic expressions* berjaya mengukuhkan imej presiden dan pemerintahannya dalam perspektif positif, sambil merendah-rendahkan parti pembangkang kepada kedudukan yang lebih inferior. Kajian ini jelas memperlihatkan keberkesanan analisis stilistik dalam meneliti bahasa dalam penggunaan sebenar.

### ***Sinopsis: Hills Like White Elephants***


Ini ialah kisah tentang dua individu, digambarkan sebagai pasangan kekasih, yang sedang berdepan dengan pergelutan emosi dalam menangani satu isu yang dianggap terlarang iaitu pengguguran kandungan. Latar tempat cerita ini berlaku di sebuah bar kecil yang terletak di stesen kereta api, di mana kedua-dua watak utama duduk di sebuah meja di kawasan yang teduh. Mereka sedang dalam perjalanan menuju ke Madrid. Watak lelaki, yang hanya dirujuk sebagai *the American*, memesan bir dan berbual dengan kekasihnya yang bernama Jig. Perbualan mereka berkisar tentang suatu pembedahan kecil dan apabila cerita berkembang, pembaca mula menyedari bahawa

perbincangan tersebut sebenarnya merujuk kepada kemungkinan melakukan pengguguran. Walaupun lelaki itu cuba meyakinkan Jig untuk menjalani prosedur tersebut, Jig pula berpendirian teguh mahu meneruskan kehamilannya. Lelaki itu merasionalkan pengguguran tersebut sebagai proses *letting the air pass in*, dan dia tetap berpegang pada pandangannya bahawa memiliki anak akan merumitkan hidupnya sedangkan matlamatnya adalah untuk hidup tanpa beban. Selepas dipujuk berkali-kali, Jig akhirnya bersetuju untuk menggugurkan kandungannya kerana merasakan bahawa dia perlu menggembirakan lelaki tersebut.

Latar cerita di stesen kereta api membawa makna simbolik. Stesen melambangkan pergerakan, perubahan, dan persimpangan pilihan hidup. Kereta api hanya berhenti selama dua minit, dan masa singkat itu mencerminkan tekanan masa yang perlu dihadapi oleh pasangan tersebut dalam membuat keputusan besar yang akan menentukan hala tuju hidup mereka. Menariknya, terdapat dua bahagian pemandangan di stesen; satu tandus dan gersang, manakala satu lagi subur dengan tumbuhan yang hidup. Kontras ini menggambarkan dua pilihan yang sedang dipertimbangkan oleh pasangan itu iaitu kesuburan dan kehidupan (meneruskan kandungan), atau kemandulan dan kelesuan (melakukan pengguguran). Simpulan ini memetaforakan konflik batin kedua-dua watak dan mencerminkan betapa besar implikasi keputusan yang bakal mereka ambil.

### **Instrumen dan Metod Kajian**

Kaedah analisis Leech & Short digunakan untuk meneliti data dalam kajian ini. Leech dan Short (1981) telah menyediakan satu senarai semak untuk analisis stilistik yang membolehkan penyelidik memeriksa teks secara sistematik. Item analisis berada di bawah empat kategori utama: (1) Leksikal; (2) Tata bahasa; (3) Gaya bahasa; (4) Kohesi dan konteks. *Rajah 1* merumuskan titik pemeriksaan serta sub-kategori yang berada di bawah setiap rubrik tersebut. Namun, hanya beberapa aspek terpilih yang relevan dengan cerpen ini digunakan sebagai instrumen analisis.



*Rajah 1. Kategori bagi Analisis.*

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

### *Analisis struktur leksikal*

#### *Kata nama*

Teks ini didapati mengandungi sejumlah besar kata nama fizikal dan konkrit. Dalam perenggan pertama sahaja, banyak kata nama yang berkaitan dengan alam semula jadi dan persekitaran dikenal pasti. Pertimbangan petikan berikut:

*The hills across the valley of the Ebro were long and white. On this side there was no shade and no trees and the station was between two lines of rails in the sun. Close against the side of the station there was the warm shadow of the building and a curtain made of strings of bamboo beads, hung across the open door into the bar, to keep out flies. The American and the girl with him sat at a table in the shade, outside the building. It was very hot and the express from Barcelona would come in forty minutes. It stopped at this junction for two minutes and went to Madrid.*

Dalam petikan yang sama, terdapat banyak kata nama konkrit seperti *station, rails, building, curtain, beads, door, bar, table, express* dan *junction*. Penggunaan kata nama yang bersifat visual ini memberikan gambaran ruang yang jelas kepada pembaca tentang suasana latar cerita. Menariknya, tiada satu pun kata nama abstrak ditemui dalam petikan tersebut. Fenomena ini memberi gambaran bahawa Hemingway lebih cenderung menyatakan fakta dan realiti fizikal, tanpa membuka ruang kepada imaginasi metaforikal yang terlalu bebas. Bahasa yang dipilih menjadikan pembaca seolah-olah melihat apa yang watak lihat, tanpa tafsiran tambahan.

### **Kata kerja**

Walaupun Hemingway menggunakan banyak kata kerja dinamik, tahap kedinamikan kata kerja tersebut adalah minimum. Banyak kata kerja yang digunakan menggambarkan pergerakan kecil atau sementara, dan pada satu tahap, pergerakan itu seolah-olah terhenti. Antara kata kerja yang digunakan ialah *sat, asked, taken off, said, painted, came out, put, looked, go, let*; kata kerja yang memulakan tindakan namun tidak meneruskannya kepada perubahan besar. Keadaan ini merefleksikan situasi hubungan antara *the American* dan Jig. Walaupun mereka berkongsi hubungan intim, hubungan tersebut tidak mengalami perkembangan. Perbualan mengenai pengguguran adalah satu bentuk pergerakan, tetapi keputusan yang mereka akan ambil tidak membawa kemajuan di mana sekiranya Jig menolak, hubungan mereka mungkin berakhir. Jika Jig bersetuju, hubungan hanya akan terus berada pada tahap yang sama, tanpa sebarang jaminan masa depan. Dengan kata lain, kata kerja dalam teks membantu memetaforakan hubungan yang statik, yang tidak menuju ke arah kematangan emosi atau kestabilan.

### **Kata adjektif**

Kata adjektif digunakan dengan agak konsisten dalam teks, dan dapat diklasifikasikan kepada dua jenis utama iaitu adjektif yang berkonotasi positif dan adjektif yang berkonotasi negatif (*Jadual 1*). Pilihan adjektif yang bertentangan ini menggambarkan dua jalan kehidupan yang berada di persimpangan keputusan pasangan tersebut. Bagi *the American*, bayi membawa maksud hidup yang penuh ketakutan dan tiada kegembiraan, bagi Jig, bayi membawa makna *warm, right*, dan penuh makna kewanitaan. Namun, jika beliau memilih pengguguran, hidupnya menjadi *dry* dan *brown*; metafora kepada tanah gersang, iaitu simbol ketandusan, kehilangan potensi dan kekosongan emosi.

*Jadual 1. Jenis kata adjektif.*

Jenis adjektif	Contoh
Pemaparan Positif	long, white, warm, hot, bright, nice, cool, lovely, simple, natural, right, happy
Pemaparan Negatif	brown, dry, unhappy, afraid

### **Kata ganti nama tidak tentu**

Penggunaan kata ganti nama tidak tentu seperti *something, anything, nothing, everything, everywhere* dan *anybody* adalah tinggi dalam teks ini. Penggunaan bentuk-bentuk ini menggambarkan keadaan ketidaktentuan, kekaburan, dan keraguan, selaras dengan keadaan psikologi watak. Contoh berikut menunjukkan pemisahan bentuk *any one* dan *any body*:

*I don't want any one else.*

*I don't want any body but you.*

Pemisahan kata ganti nama ini bukan lazim dalam penggunaan standard bahasa Inggeris. Namun dalam konteks cerita, ia membawa implikasi simbolik:

*any one / any body merujuk bukan kepada sesiapa, tetapi kepada bayi yang belum lahir*

*Perpisahan bentuk itu mencerminkan potensi perpisahan pasangan jika mereka memilih untuk mengekalkan kandungan*

Dengan kata lain, unsur linguistik ini bukan sahaja berfungsi sebagai struktur bahasa, tetapi menjadi alat retorik untuk menggambarkan konflik batin dan kebarangkalian kehilangan.

### **Analisis tatabahasa**

#### **Kategori ayat**

Secara keseluruhan, ayat-ayat dalam cerpen ini mempunyai struktur yang sangat ringkas, terutamanya apabila melibatkan perbualan antara dua watak. Ayat tanya (interogatif) didapati digunakan secara meluas dalam teks. Sebanyak tujuh belas soalan diajukan oleh Jig, di mana tiga belas daripadanya merupakan soalan polar yang memerlukan jawapan “ya” atau “tidak”. Watak lelaki (American) pula mengemukakan lima soalan, dengan soalan pertamanya hanya muncul selepas watak perempuan mengemukakan tiga soalan terlebih dahulu (*Jadual 2*). Corak perbualan ini jelas menggambarkan ketidakseimbangan kuasa antara kedua-dua watak dalam cerpen tersebut. Watak lelaki dilihat sebagai pihak yang memegang autoriti. Soalan-soalan yang diajukan oleh Jig menyerupai permintaan kerana beliau kerap menggunakan kata kerja modal seperti *would* dan *could*. Soalan-soalan tersebut lazimnya dijawab oleh lelaki sama ada dengan “ya” atau “tidak”, yang secara jelas membuktikan bahawa lelaki tersebut menentukan apa yang betul dan salah serta apa yang dibenarkan. Watak perempuan digambarkan sebagai seorang yang bergantung, lemah dan dipenuhi keraguan. Satu contoh yang menunjukkan kelemahan watak perempuan ialah apabila beliau mengancam untuk menjerit apabila menyedari ketidakupayaannya untuk mengawal keadaan.

#### **Jadual 2. Soalan yang diutarakan oleh karakter cerpen.**

Soalan oleh Jig	Soalan oleh American
1. What should we drink?	1. Do you want it with water?
2. What does it say?	2. Should we have another drink?
3. Could we try it?	3. What do you mean?
4. I don't know. Is it good with water?	4. What did you say?
5. Wasn't that bright?	5. Do you feel better?
6. That's all we do, isn't it – looking at things and trying new drinks?	
7. Then what will we do afterwards?	
8. What makes you think so?	
9. And you really want to?	
10. And if I do it you'll be happy and things will be like they were and you'll love me?	
11. But if I do it, then it will be nice again if I say things are like white elephants, and you'll like it?	
12. If I do it you won't ever worry?	
13. Could we have another beer?	
14. Can't we maybe stop talking?	
15. Doesn't it mean anything to you?	
16. Would you do something for me now?	
17. What did she say?	

#### **Peranan tematik**

Satu lagi aspek yang dianalisis ialah peranan yang dimainkan oleh watak-watak dalam situasi tertentu seperti yang ditentukan oleh struktur ayat. Peranan tematik

digunakan untuk mengenal pasti fungsi atau peranan yang dimainkan oleh sesuatu identiti dalam sesuatu peristiwa. Sepanjang cerpen ini, kedua-dua watak secara linguistik berfungsi sebagai agen (entiti yang melakukan tindakan). Walau bagaimanapun, tindakan mereka kebanyakannya terhad kepada aktiviti komunikasi. Hanya terdapat beberapa contoh yang menunjukkan mereka melakukan tindakan selain daripada berbual, seperti memesan minuman dan melihat persekitaran. Keupayaan mereka sebagai agen adalah sangat terhad dan hampir tidak mempunyai potensi untuk mempengaruhi diri mereka sendiri atau orang lain di sekeliling mereka.

### **Gaya bahasa**

#### **Kiasan**

Satu contoh jelas penggunaan kiasan dapat dilihat melalui frasa *hills like white elephants* yang diulang sebanyak lima kali dalam cerpen ini. Perlu diperhatikan bahawa frasa tersebut menggambarkan bukit sebagai *seperti gajah putih*, bukannya *bukit yang kelihatan seperti gajah putih*. Perihal ini menunjukkan bahawa perbandingan yang dibuat adalah berdasarkan nilai simbolik, bukannya rupa bentuk fizikal. Hal ini diperkukuhkan oleh kenyataan watak perempuan bahawa bukit-bukit tersebut sebenarnya tidak kelihatan seperti gajah putih kecuali apabila dilihat melalui celahan pokok. Menjelang penghujung cerita, watak perempuan menggantikan perkataan *hills* dengan kata nama *things*, seperti dalam petikan berikut:

*But if I do it, then it will be nice again if I say things are like white elephants, and you'll like it?*

Daripada sudut ini, dapat dirumuskan bahawa satu norma telah dibentuk (bukit diumpamakan sebagai gajah putih), dan pada penghujung cerita, norma tersebut diselewengkan (apabila *things* diumpamakan sebagai gajah putih) oleh watak perempuan. Penyimpangan ini melambangkan perubahan dalam prinsip hidup watak tersebut. Pada awalnya, watak perempuan bertegas untuk mengekalkan kandungannya (selari dengan pegangan prinsip hidupnya). Namun, pendiriannya menjadi tidak stabil apabila beliau mula mengalah demi memenuhi kehendak lelaki tersebut, bukannya mengikut kehendaknya sendiri. Petikan berikut mengukuhkan tafsiran ini:

*And if I do it you'll be happy and things will be like they were and you'll love me?  
Then I'll do it. Because I don't care about me.  
Oh, yes. But I don't care about me. And I'll do it and then everything will be fine.*

### **Kohesi dan konteks**

#### **Pengulangan ayat**

Dalam teks ini, watak perempuan mengulangi variasi soalan yang sama sebanyak tujuh kali. Soalan-soalan tersebut berkisar tentang sama ada persetujuannya untuk melakukan pengguguran akan menjadikan mereka bahagia seperti sebelumnya. Antara contoh yang dapat dikenal pasti ialah:

*I know. But if I do it, then it will be nice again if I say things are like white elephants, and you'll like it?*

*And if I do it you'll be happy and things will be like they were and you'll love me?  
And if I do it you won't ever worry?*

Akhirnya, watak perempuan menjawab soalan-soalan tersebut sendiri dengan menyatakan bahawa *I'll do it and then everything will be fine*. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun beliau pada awalnya membantah, akhirnya beliau bersetuju untuk melakukan pengguguran, sekali gus memenuhi kehendak dan keinginan watak lelaki.

### ***Pengulangan leksikal***

Pengulangan leksikal didapati wujud dengan ketara dalam teks. Satu contoh ialah ayat:

*Would you please please please please please please please please stop talking?*

Walaupun ayat tersebut kelihatan seperti satu arahan, penggunaan kata kerja modal *would* telah melembutkan nada autoritatif dan menjadikannya seolah-olah satu rayuan. Pengulangan kata *please* menandakan keperluan yang mendesak, namun pada masa yang sama menggambarkan ketiadaan kuasa. Keadaan ini mencerminkan tahap ketidakberdayaan watak perempuan. Secara keseluruhannya, watak perempuan digambarkan sebagai lebih rendah berbanding watak lelaki dalam hampir setiap situasi. Perbualan dikuasai oleh watak lelaki yang mempunyai autoriti untuk menentukan setiap perkara yang dibincangkan. Ketidakseimbangan kuasa antara watak-watak jelas dan ketara dalam teks ini. Satu lagi contoh pengulangan leksikal ialah kata kerja *know* yang muncul sebanyak dua belas kali dalam cerpen ini. Daripada jumlah tersebut, tujuh kali diujarkan oleh watak lelaki. Contoh daripada teks adalah seperti berikut:

*I know you wouldn't mind it, Jig. It's really not anything. It's just to let the air in.  
I know we will. You don't have to be afraid. I've known lots of people that have done it.  
I wouldn't have you do it if you didn't want to. But I know it's perfectly simple.*

Baki penggunaan kata tersebut diujarkan oleh watak perempuan, namun kebanyakannya dalam bentuk negatif, menunjukkan bahawa perkara yang dirujuk berada di luar pengetahuannya, seperti dalam ayat *I don't know. Is it good with water?* Analisis ini menunjukkan bahawa watak lelaki memonopoli pengetahuan. Beliau digambarkan mempunyai pengetahuan yang luas, bermula daripada jenis minuman sehinggalah kepada prosedur pengguguran. Malah, beliau cuba memanipulasi pemikiran watak perempuan dengan meletakkan dirinya sebagai individu yang "mengetahui" penyelesaian terbaik terhadap dilema yang mereka hadapi.

### ***Pengulangan substitutif***

Pengulangan substitutif juga didapati menonjol dalam teks ini. Kata ganti nama *it* muncul sebanyak lima puluh enam kali sepanjang cerpen dan kebanyakannya bersifat eksoforik (rujukan tidak disebut secara eksplisit dalam teks tetapi dapat ditafsirkan oleh pembaca). Dalam konteks ini, *it* merujuk kepada prosedur pengguguran yang digambarkan sebagai bukan satu pembedahan. Contoh penggunaan kata ganti *it* adalah seperti berikut:

*I think it's the best thing to do. But I don't want you to do it if you don't really want to.*

*I won't worry about that because it's perfectly simple.*

*I don't want you to do it if you feel that way.*

*Oh, yes. But I don't care about me. And I'll do it and then everything will be fine.*

Satu-satunya gambaran tentang pengguguran hanyalah sebagai satu proses “membenarkan udara masuk”, dan perihalan tersebut tidak dikembangkan lebih lanjut. Perkataan *it* tidak pernah dijelaskan atau dinamakan secara langsung, berkemungkinan mencerminkan keintiman antara pasangan tersebut atau sifat tabu isu pengguguran itu sendiri. Menariknya, dalam sepuluh perenggan terakhir cerpen ini, perkataan *it* tidak lagi digunakan, yang menunjukkan bahawa satu bentuk kompromi atau penyelesaian telah dicapai.

Banyak aspek tersembunyi dalam cerpen ini berjaya didedahkan melalui analisis linguistik yang dijalankan. Jalan cerita yang kelihatan ringkas dengan penceritaan yang sederhana sebenarnya mengandungi pelbagai lapisan kerumitan yang tersirat. Bahasa yang mudah digunakan dalam cerpen ini berfungsi sebagai penyamaran kepada konflik emosi yang sengit antara dua watak utama. Topik perbualan yang kelihatan remeh pada permukaannya sebenarnya berkisar tentang isu yang mendalam dan serius, iaitu pengguguran. Ujaran mereka yang kelihatan seolah-olah tidak bermakna adalah bersifat ironik apabila dikaitkan dengan subjek perbualan tersebut. Terdapat ketidakseimbangan pengagihan kuasa antara dua protagonis dalam cerpen ini. Analisis yang dijalankan mengukuhkan tanggapan tersebut, di mana watak lelaki digambarkan lebih dominan kerana dialah yang mengarah dan membuat keputusan, manakala watak perempuan pula digambarkan sebagai patuh dan menurut. Watak perempuan mengemukakan terlalu banyak soalan untuk mendapatkan kepastian dan kebenaran, sekali gus meletakkan dirinya dalam kedudukan subordinat sebagai individu yang kurang berautoriti dan berpengetahuan. Sebaliknya, ujaran watak lelaki (*American*) sarat dengan kuasa dan autoriti, dan beliau menentukan penyelesaian akhir dengan memutuskan apa yang benar dan apa yang tidak. Satu aspek yang luar biasa ialah kebolehan Hemingway menulis tentang isu yang sangat kompleks tanpa menyebut secara langsung istilah pengguguran sepanjang cerpen ini. Sebaliknya, beliau menggunakan kata ganti nama substitutif *it* untuk merujuk kepada proses tersebut. Hal ini jelas membuktikan bahawa cerpen ini jauh lebih kompleks daripada apa yang kelihatan pada zahirnya. Oleh itu, tanggapan bahawa gaya penulisan Hemingway bersifat polos dan tidak beremosi boleh disangkal berdasarkan dapatan kajian terhadap cerpen ini.

## **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa penerapan alat linguistik sebagai kaedah analisis telah berjaya membongkar pelbagai lapisan makna tersembunyi dalam cerpen ini serta membolehkan teks tersebut diteliti semula dari sudut pandang yang lebih luas dan kritis. Hal ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Jamal (2024), Babajide (2000) serta Carter (1988) yang menyokong penggunaan struktur linguistik dalam analisis karya wacana. Kajian ini juga mendapati bahawa pengguguran bukanlah satu-satunya isu yang disamakan dalam cerpen ini; ketidakseimbangan kuasa, konflik emosi, serta dilema dalam membuat keputusan

berkaitan kehidupan turut menjadi unsur penting yang mendasari teks. Kajian ini membuktikan keberkesanan analisis terhadap struktur leksikal, struktur sintaksis, gaya bahasa, serta aspek kohesi dan konteks dalam menyingkap makna kompleks yang tersembunyi di sebalik struktur bahasa. Makalah ini berhujah bahawa melalui pemeriksaan kritis terhadap struktur-struktur tersebut, unsur tersembunyi seperti dominasi kuasa dapat didedahkan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar lebih banyak analisis dilakukan dengan menggunakan alat stilistik bagi mencapai pemahaman yang lebih mendalam terhadap lapisan makna yang kompleks dalam karya prosa sastera.

### **Penghargaan**

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

### **Konflik Kepentingan**

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

- [1] Babajide, A.O. (2000): Of style and stylistics. – Studies in English Language 14p.
- [2] Carter, R. (1988): What is stylistics and why can we teach it in different ways. In M. Short (ed.), Reading, analysing & teaching literature. – New York: Longman Group 177p.
- [3] Chandio, M.T., Bughio, F.A., Panhwar, A.H., Memon, S.M. (2017): Stylistic Analysis of Ahmed Ali's Short Story Our Lane. – Journal of Education and Educational Development 4(2): 200-226.
- [4] Crystal, D. (1987): The Cambridge encyclopaedia of language. – Cambridge: Cambridge University Press 514p.
- [5] Fowler, R. (1996): Linguistic criticism. – Oxford: Oxford University Press 262p.
- [6] Halliday, M.A. (1978): Language as social semiotic. – Arnold: London 256p.
- [7] Jamal, M. (2024): MALAYSIA'S INDIGENOUS COMMUNITY IN THE MEDIA: DECONSTRUCTING THE RHETORIC OF OTHERING IN DISCOURSE. – Quantum Journal of Social Sciences and Humanities 5(2): 1-12.
- [8] Khan, A.B., Ahmad, M., Ahmad, S., Ijaz, N. (2015): Stylistic analysis of the short story 'the last word' by Dr. AR Tabassum. – Advanced in Language and Literary Studies 6(3): 1-5.
- [9] Leech, G., Short, M.H. (1981): Style in fiction: a linguistic introduction to English fictional prose. – London: Longman 404p.
- [10] Mahmood, R., Jamil, A. (2015): Stylistic Analysis of Holly Thursday I By William Blake. – International Journal of English Language and Linguistics Research 3(6): 46-52.
- [11] Moodley, V. (2019): A stylistic analysis of a wildlife conservation of a prologue and visual narrative documentary, "From brutal poacher to delicate pastry chef". – 3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies 25(2): 143-156.
- [12] Quinto, E.J.M. (2014): Stylistic Analysis of Deictic Expressions in President Benigno Aquino III's October 30th Speech. – 3L, Language, Linguistics, Literature 20(2): 1-18.
- [13] Saadia, M.H., Bano, S., Tabassum, M.F. (2015): Stylistic Analysis of A Short Story "The Happy Prince". – Science International-Lahore 27(2): 1539-1544.
- [14] Traugott, E.C., Pratt, M.L. (1980): Linguistics for students of literature. – Harcourt Brace Jovanovich 444p.

- [15] Verdonk, P. (2002): *Stylistics*. – Oxford: Oxford University Press 124p.
- [16] Wales, K. (2001): *A dictionary of stylistic*. – Harlow: Longman 496p.
- [17] Widdowson, H.G. (1975): *Stylistics and the teaching of literature*. – London: Longman Group Ltd 140p.